

Jawatankuasa Khas ini ditubuhkan untuk:

- (i) Memperkuatkannya koordinasi dan jalinan kerjasama antara agensi bagi memantau dan membanteras isu-isu berkaitan penyalahgunaan Internet dan media baru;
- (ii) Memastikan tindakan tegas akan dikenakan terhadap pihak yang menggunakan media sosial dengan tujuan untuk menyemai kebencian terhadap institusi kerajaan; dan
- (iii) Mengelakkan media sosial menjadi punca pencetus kekacauan melalui penyebaran pembohongan, kebencian dan kumpulan ekstremis agama.

Sejak penubuhan jawatankuasa tersebut pada Januari 2016, sebanyak 52 laman telah disekat dan **16 kes** telah disiasat oleh SKMM di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Secara keseluruhan sehingga Februari 2016, sebanyak 22 kes telah disiasat oleh SKMM terhadap penyalahgunaan internet dan media baru manakala 399 laman telah disekat.

Antara laman web yang disekat termasuklah laman web perjudian, penipuan, pelacuran dan laman-laman web yang memaparkan kandungan lucu, jelik, palsu dan sebagainya.